

|             |  |            |         |
|-------------|--|------------|---------|
| Headline    | SYAFIQ TAK MAHU KECEDERAAN JADI PENGHALANG |            |         |
| MediaTitle  | Utusan Malaysia                            |            |         |
| Date        | 17 Nov 2016                                | Language   | Malay   |
| Circulation | 171,663                                    | Readership | 563,000 |
| Section     | Sukan                                      | Page No    | 34      |
| ArticleSize | 153 cm <sup>2</sup>                        | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 9,072                                   |            |         |
|             |  |            |         |



## SYAFIQ TAK MAHU KECEDERAAN JADI PENGHALANG

**KUALA LUMPUR 16 Nov.** - Bintang muda skuad hoki negara, Syed Mohd. Syafiq Syed Cholan tidak mahu kecederaan lamanya menjadi penghalang kepada usaha mendapatkan kepercayaan ketua jurulatih Stephen Van Huizen dalam kempen Festival Hoki Antarabangsa di Melbourne, Australia bermula 23 November ini.

Syed Mohd. Syafiq adalah antara 18 pemain yang disenaraikan oleh Stephen untuk ke Melbourne malah ini adalah aksi pertama pemain berusia 21 tahun itu bersama skuad senior kebangsaan.

Katanya, kecederaan pada bahagian ibu jari tangan kanan yang dialaminya sudah 90 peratus pulih namun masih perlu berhati-hati dalam setiap perlawanan yang bakal dihadapinya.

"Peluang yang saya dapat ini akan saya manfaatkan sebaiknya untuk membolehkan saya dapat terus bersama pasukan.

"Jari saya semakin pulih namun tetap memerlukan masa untuk membiasakan diri setelah hampir sebulan tidak beraksi dan berharap semuanya berjalan dengan lancar ketika di Melbourne nanti," katanya.

Syed Mohd. Syafiq beraksi cemerlang dalam Liga Hoki Malaysia musim ini apabila

meledakkan lima gol dalam kejohanan Piala Tan Sri P. Alagendra, selain empat gol dalam persaingan liga ketika mewakili Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Dalam pada itu, Syed Mohd. Syafiq berkata, dia akan berusaha mendapatkan sekurang-kurangnya satu gol menerusi pukulan sudut penalti di Melbourne.



**SYED MOHAMAD SYAFIQ SYED CHOLAN**